

30 NOV 1998
Dompok-Pilihan Raya
PILIHAN RAYA SABAH TAHUN DEPAN

KOTA KINABALU, 30 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini membayangkan kemungkinan pilihan raya negeri diadakan tahun depan, sekaligus menafikan desas-desus Dewan Undangan Negeri dibubarkan dalam tempoh terdekat ini.

"Tunggu sajalah tarikhnya. Yang pasti ia akan tiba juga," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan cek bernilai RM250,000 sumbangan kerajaan negeri kepada Gereja Sidang Injil Borneo di pejabatnya di sini.

Menurutnya pertemuan antara jemaah menteri kabinet negeri dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat lepas juga tidak membincangkan secara terperinci mengenai tarikh sebenar pilihan raya.

"Ketika ini kita perlu meneruskan agenda pembangunan negeri dan negara sebagai mana yang dirancang," kata beliau.

Lawatan kerja dua hari Dr Mahathir ke Sabah itu menimbulkan pelbagai spekulasi kerana ramai yang mengaitkan kehadiran beliau dengan desas-desus mengenai pilihan raya negeri.

Malah ada yang mengatakan bahawa Dewan akan dibubarkan hari ini untuk membolehkan pilihan raya diadakan tahun ini.

Dr Mahathir di akhir lawatannya itu hanya berkata pilihan raya negeri akan diadakan seawal mungkin "kerana kita tidak boleh melewati tarikh tertentu."

Tempoh Dewan Undangan Negeri sekarang akan berakhir 18 Mac depan dan menurut perlembagaan negeri, pilihan raya boleh diadakan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh itu.

Mengenai permohonan maaf kepada rakyat Sabah dan Labuan oleh bekas Ketua Menteri Datuk Harris Salleh "kerana menyerahkan Labuan kepada Wilayah Persekutuan" pada 1984, Dompok berkata ia hanya satu gimik politik untuk menarik simpati pengundi menjelang pilihan raya.

Harris yang kini memimpin Parti Bersekutu, sebuah parti pembangkang, membuat permohonan maaf itu ketika berucap pada satu majlis di Labuan semalam dan kemudian disiarkan semua akhbar tempatan hari ini.

-- BERNAMA
JS WAT